

Bil. S 22

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA HASUTAN (PINDAAN), 2018

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran
 2. Pindaan bab 3 dari Penggal 24
 3. Penggantian bab 4
 4. Pemasukan bab 4B baru
 5. Pindaan bab 5
 6. Pindaan bab 6
 7. Penggantian bab 7
 8. Penggantian bab 8
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA HASUTAN (PINDAAN), 2018

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Hasutan (Pindaan), 2018.

Pindaan bab 3 dari Penggal 24

2. Bab 3 dari Akta Hasutan dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam cerai (1) —

(a) dalam perenggan (e), dengan memotong “dan permusuhan” dan menggantikannya dengan “, permusuhan atau kebencian”;

(b) dengan memansuhkan perenggan (f) dan menggantikannya dengan perenggan baru yang berikut —

“(f) untuk mempersoalkan, atau secara langsung atau tidak langsung merendahkan atau menjejaskan, atau pun selainnya mengurangkan, hak, status, kedudukan, budi bicara, kuasa, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri, mengikut mana yang berkenaan; atau”.

Penggantian bab 4

3. Bab 4 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut—

“Kesalahan menghasut

4. (1) Tertakluk kepada cerai (3), mana-mana orang yang —

(a) melakukan atau cuba melakukan, atau membuat persediaan untuk melakukan, atau berkomplot dengan mana-mana orang untuk melakukan, apa-apa perbuatan dengan niat menghasut;

(b) melafazkan apa-apa perkataan dengan niat menghasut;

(c) mencetak, menerbitkan atau menyebabkan diterbitkan, menjual, menawarkan untuk jualan, mengedarkan atau mengeluarkan semula apa-apa penerbitan yang menghasut;

(d) membawa masuk atau menyebarkan apa-apa penerbitan yang menghasut,

adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun; penerbitan yang menghasut itu hendaklah dirampas dan boleh dimusnahkan atau pun selainnya dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

(2) Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah ada dalam milikannya apa-apa penerbitan yang menghasut adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 15 tahun; penerbitan itu hendaklah dirampas dan boleh dimusnahkan atau pun selainnya dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh mahkamah.

(3) Barang siapa melakukan suatu kesalahan di bawah cerai (1) atau (2) yang melibatkan niat menghasut di bawah bab 3(1)(a) atau (f) berkaitan dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak kurang daripada 3 tahun dan tidak melebihi 15 tahun.

(4) Adalah menjadi pembelaan kepada suatu pertuduhan di bawah cerai (2) bahawa, jika orang yang dituduh itu tidak mengetahui bahawa penerbitan itu adalah menghasut apabila ia sampai ke dalam milikannya, dia ada, sebaik sahaja jenis penerbitan itu diketahuinya, menyerahkan penerbitan itu kepada pegawai yang menjaga balai polis yang berdekatan.”.

Pemasukan bab 4B baru

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 4A bab baru yang berikut —

“Kuasa Mahkamah untuk melarang pengedaran penerbitan yang menghasut

4B. (1) Apabila atas permohonan Pendakwa Raya dibuktikan sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa pengeluaran atau pengedaran penerbitan yang menghasut —

(a) adalah membawa, atau jika dimulakan atau diteruskan, berkemungkinan akan membawa kepada keganasan yang menyalahi undang-undang; atau

(b) ternyata mempunyai tujuan untuk menggalakkan perasaan permusuhan antara golongan atau bangsa yang berlainan dalam masyarakat,

Mahkamah hendaklah membuat suatu perintah (dalam bab ini disebut sebagai suatu perintah larangan) yang melarang pengeluaran dan pengedaran penerbitan itu (dalam bab ini disebut sebagai suatu penerbitan yang dilarang) dan menghendaki setiap orang yang mempunyai dalam milikan, kuasa atau kawalannya apa-apa salinan penerbitan yang dilarang dengan segera menyerahkan setiap salinan itu ke dalam jagaan polis.

(2) Suatu perintah di bawah bab ini boleh dibuat secara *ex parte* atas permohonan Pendakwa Raya dalam kamar.

(3) Adalah memadai jika perintah itu memerihalkan penerbitan yang dilarang bahawa ia dapat dikenal pasti oleh seorang yang waras yang membandingkan penerbitan yang dilarang dengan perihalan perintah larangan.

(4) Setiap orang yang disampaikan dengan satu salinan suatu perintah larangan oleh mana-mana pegawai polis hendaklah dengan segera menyerahkan kepada pegawai polis itu setiap penerbitan yang dilarang yang ada dalam milikan, kuasa atau kawalannya, dan, jika dia gagal berbuat demikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(5) Setiap orang yang sampai ke pengetahuannya bahawa suatu penerbitan yang dilarang ada dalam milikan, kuasa atau kawalannya hendaklah dengan segera menyerahkan setiap penerbitan tersebut ke dalam jagaan polis, dan, jika dia gagal berbuat demikian, dia adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$5,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali.

(6) Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, sama ada sebelum atau selepas atau tanpa menyampaikan perintah larangan itu kepada mana-mana orang, mengeluarkan suatu waran yang memberi kuasa kepada mana-mana pegawai polis —

(a) untuk memasuki dan menggeledah mana-mana premis yang dinyatakan dalam perintah itu;

(b) untuk menyita dan membawa setiap penerbitan yang dilarang yang dijumpai di sana; dan

(c) untuk menggunakan kekerasan sebagaimana yang mungkin perlu bagi tujuan itu.

Satu salinan perintah larangan itu dan waran geledah itu hendaklah ditinggalkan di suatu tempat yang mudah dilihat di setiap bangunan atau tempat yang dimasuki itu.

(7) Pemilik apa-apa penerbitan yang dilarang yang diserahkan atau disita di bawah bab ini boleh, pada bila-bila masa dalam masa 14 hari selepas penyerahan atau penyitaannya, memohon kepada Mahkamah dengan saman pemula bagi pelepasan perintah larangan itu, dan jika Mahkamah, selepas mendengar permohonan itu, memutuskan bahawa perintah larangan itu tidak sepatutnya dibuat, Mahkamah hendaklah melepaskan perintah itu dan hendaklah memerintahkan supaya penerbitan dilarang yang diserahkan oleh atau disita daripada pemohon dikembalikan kepadanya.

(8) Setiap penerbitan yang dilarang yang diserahkan atau disita di bawah bab ini yang berkenaan dengannya suatu permohonan di bawah cerai (7) tidak difailkan dalam masa yang tersebut di atas atau yang tidak diperintahkan untuk dikembalikan kepada pemilik adalah dianggap sebagai dilucutkan hak kepada Kerajaan.

(9) Bagi maksud-maksud bab ini, “Mahkamah” bermakna Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Perantaraan.”.

Pindaan bab 5

5. Bab 5 dari Akta itu adalah dipinda –

(a) dalam cerai (1), dengan memotong “yang tidak rendah dari pangkat Inspektor” dari baris kedua;

(b) dalam cerai (2), dengan memotong “tidak rendah dari pangkat Inspektor” dari dua baris pertama.

Pindaan bab 6

6. Bab 6 dari Akta itu adalah dipinda dengan memotong “yang tidak rendah dari pangkat Inspektor” dari baris pertama.

Penggantian bab 7

7. Bab 7 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Prosiding undang-undang

7. (1) Tiada seorang pun boleh didakwa kerana suatu kesalahan di bawah bab 4 tanpa persetujuan bertulis Pendakwa Raya.

(2) Dalam persetujuan bertulis itu, Pendakwa Raya boleh menetapkan mana-mana mahkamah sebagai mahkamah perbicaraan.”.

Penggantian bab 8

8. Bab 8 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

“Keterangan

8. Tiada seorang pun boleh disabitkan atas suatu kesalahan di bawah bab 4(1)(c) atau (d) jika orang itu membuktikan bahawa —

(a) penerbitan yang berkaitan dengannya dia dituduh dicetak, diterbitkan atau disebabkan untuk diterbitkan, dijual, ditawarkan untuk jualan, diedarkan, dikeluarkan semula, dibawa masuk atau disebarkan, mengikut mana yang berkenaan, tanpa autoriti, kebenaran dan pengetahuannya dan tanpa perlunya berjaga-jaga dengan sewajarnya atau berhati-hati di pihaknya; atau

(b) dia tidak mengetahui dan tidak mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa penerbitan itu mempunyai niat menghasut.”.

Diperbuat pada hari ini 8 haribulan Syaaban, Tahun Hijrah 1439 bersamaan dengan 24 haribulan April, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

No. S 21

CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM
(Order made under Article 83(3))

PUBLIC ORDER ACT (AMENDMENT) ORDER, 2018

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

1. Citation
 2. Amendment of section 31 of Chapter 148
 3. Amendment of section 32
 4. Amendment of section 33
 5. Insertion of new section 33A
-

CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM
(Order made under Article 83(3))

PUBLIC ORDER ACT (AMENDMENT) ORDER, 2018

In exercise of the power conferred by Article 83(3) of the Constitution of Brunei Darussalam, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan hereby makes the following Order —

Citation

1. This Order may be cited as the Public Order Act (Amendment) Order, 2018.

Amendment of section 31 of Chapter 148

2. Section 31 of the Public Order Act, in this Order referred to as the Act, is amended by deleting “a fine of not less than \$8,000 and imprisonment for 8 years” from the last two lines and by substituting “imprisonment for a term not exceeding 15 years” therefor.

Amendment of section 32

3. Section 32 of the Act is amended by deleting “a fine of not less than \$10,000 and imprisonment for 10 years” from the third and fourth lines and by substituting “imprisonment for a term not exceeding 15 years” therefor.

Amendment of section 33

4. Section 33 of the Act is amended —

(a) in subsection (1), by deleting “a fine of not less than \$8,000 and imprisonment for 8 years” and by substituting “imprisonment for a term not exceeding 15 years” therefor;

(b) in subsection (2), by deleting “a fine of not less than \$8,000 and imprisonment for 8 years” from the last line and by substituting “imprisonment for a term not exceeding 15 years” therefor.

Insertion of new section 33A

5. The Act is amended by inserting the following new section immediately after section 33 —

“Subversive acts etc. relating to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan

33A. Any person who commits an offence under section 31, 32 or 33 relating to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is guilty of an

offence and liable on conviction to imprisonment for a term of not less than 3 years and not exceeding 15 years.”.

Made this 8th. day of Syaaban, 1439 Hijriah corresponding to the 24th. day of April, 2018 at Our Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

HIS MAJESTY
THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN
BRUNEI DARUSSALAM